

*Akademika 89(Isu Khas/Special Issue), 2019: 41-53*

<https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-05>

## Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama

### *The Speech Acts in Religious Lectures*

NURUL SYUHADA SHUIB & MASLIDA YUSOF

#### ABSTRAK

*Makalah ini meneliti jenis lakuan bahasa yang digunakan penceramah agama. Lakuan bahasa ialah pengucapan yang dianggap sebagai aksi khususnya dalam konteks niat, tujuan dan kesan. Lakuan bahasa digunakan untuk menyampaikan pengetahuan agama, nilai dan mesej yang berupa pengajaran kepada khalayak. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian ini adalah ceramah agama yang disampaikan oleh Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood dan Ustaz Azhar Idrus. Kajian ini mengaplikasikan teori Lakuan Bahasa oleh Searle (1969) bagi mengkatégorikan jenis lakuan bahasa. Searle (1969) telah mencadangkan bahawa lakuan bahasa mengandungi lima klasifikasi umum iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Dapatan kajian ini adalah empat jenis lakuan bahasa digunakan oleh penceramah iaitu lakuan bahasa asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Lakuan bahasa yang paling kerap digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif iaitu sebanyak 69.68%. Seterusnya lakuan bahasa direktif sebanyak 23.87%, diikuti oleh lakuan bahasa ekspresif 5.59% dan lakuan bahasa komisif sebanyak 0.86%. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan bahawa lakuan bahasa asertif berfungsi untuk menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebut sesuatu maklumat. Manakala lakuan bahasa direktif pula digunakan untuk tujuan nasihat dan ucap selamat, pengajuan soalan dan perintah. Selanjutnya lakuan bahasa ekspresif berfungsi untuk mengekspresikan perasaan penghargaan, maaf, gembira dan sedih. Akhir sekali, lakuan bahasa komisif berfungsi untuk menyatakan janji. Secara keseluruhan kajian ini merakamkan bahawa lakuan bahasa adalah sebahagian daripada laras ceramah agama bagi keberkesanan dalam penyampaian ceramah.*

*Kata kunci: Ceramah agama; fungsi lakuan bahasa; lakuan bahasa; penceramah; Searle*

#### ABSTRACT

*This article examines the speech acts used by religious speakers. A speech act is an utterance considered as an action, particularly with regard to its intention, purpose, or effect. Speech acts is used to deliver religious knowledge, values and messages to audience. The research design of this study is both qualitative and quantitative. The samples of this research are religious lecture delivered by Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood and Ustaz Azhar Idrus. In this study, speech act theory by Searle (1969) was applied to categorize the types of speech acts. Searle (1969) suggests five general classifications in speech acts which are assertive, expressive, directives, commissives and declarative. The findings of this study shows that four types of speech acts were used by the speakers, namely assertive, directives, expressive and commissives. The most frequent speech act used is assertive which is 69.68%. Directives speech act amounts to 23.87%, followed by expressive 5.59% and commissives 0.86%. This study also asserts that assertive speech acts serves to express, presuppose, convey information, to show and to mention. On the other hand, directive speech act is used to advice, greet, propose question and command. The function of Expressive speech act is to express appreciation, apology, joy and grief. Finally, commissives operates as a declaration of promise. In overall, this study document that speech acts is a part of religious lectures to enhance the effectiveness of its delivery.*

*Keywords: Religious lecture; speech acts function; speech acts; speakers; Searle*

## PENGENALAN

Ceramah ialah ucapan yang disampaikan oleh penutur kepada audiens yakni pendengar bertujuan menyampaikan informasi. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005: 270) ceramah didefinisikan sebagai ucapan membicarakan sesuatu perkara seperti bahasa, politik dan lain-lain. Ceramah adalah pengungkapan atau penyampaian fikiran dalam bentuk kata-kata oleh seseorang di depan orang banyak atau pendengar yang membicarakan suatu hal, pengetahuan, dan sebagainya (Sugono 2008: 261). Ceramah juga dikenali sebagai ucapan, pidato dan syarahan. Ceramah ialah ucapan yang disampaikan oleh seseorang yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang tertentu.

Umum mengetahui bahawa ceramah agama memainkan peranan yang besar dalam kehidupan kerana institusi masyarakat akan melalui proses pentarbiahan menerusi wahana ini yang seterusnya dijadikan sandaran dan pedoman dalam kehidupan. Dalam al-Quran, Allah SWT telah mengisytiharkan umat Islam sebagai amanah untuk menyeru seluruh manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Tanggungjawab menyampaikan seruan tersebut perlu dilaksanakan oleh umat Islam yang berkemampuan tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Justeru, institusi masyarakat harus berusaha untuk memastikan dakwah ilmu ini dapat disampaikan dengan baik. Dakwah merupakan seruan kepada seluruh manusia terhadap sesuatu perkara dan menggalakkan mereka bagi mendapatkan sesuatu hasil (Faradillah 2014). Aktiviti dakwah telah lama dipraktikkan dan dilakukan oleh para nabi yang bermula sejak dari Nabi Adam a.s iaitu manusia pertama dalam kejadian umat manusia di dunia ini sehinggalah kepada utusan rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW dan ia diteruskan pula oleh para sahabat rasul, tabiin, para dai sehingga kini (Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan 2018)

Siti Aisyah (2015) mengatakan metode dakwah secara bijaksana memerlukan gabungan ilmu pengetahuan teori dan praktikal dalam berdakwah. Ianya merupakan dakwah secara halus dan rangsangan psikologi kepada manusia untuk berfikir berdasarkan motif, tarikan, emosi, peneguhan, status dan pembinaan sosial. Bagi memastikan mesej yang disampaikan berkesan pemilihan leksikal yang tepat harus diaplikasikan dalam membicarakan isu agama. Pendekatan dakwah yang diguna pakai hendaklah selaras dan selari dengan realiti ini. Pendekatan

dakwah era baru pastinya perlu mengambil kira perubahan dan transformasi dalam masyarakat dan tidak boleh statik kepada satu-satu kaedah atau pendekatan sahaja. Era zaman ini adalah era sains, teknologi dan komunikasi yang canggih. Tahap ilmu pengetahuan dan pendidikan masyarakat juga jauh berbeza sesuai dengan kemajuan negara. JAKIM juga tidak ketinggalan memanfaatkan kemudahan dan kecanggihan teknologi komunikasi seperti saluran web, Facebook, televisyen online (JAKIM.tv), YouTube dan lain-lain dengan pengisian dakwah. Bahkan istilah “teknodaei” sudah tidak asing lagi kepada warga JAKIM kerana menyedari bahawa kemudahan teknologi kini merupakan penyumbang utama yang menggerakkan usaha dakwah (<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/ciri-ciri-pendakwah-masa-kini-1.72564>).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berlandaskan kepada tiga objektif yang utama iaitu:

1. Mengenal pasti jenis lakuan bahasa dalam ceramah agama.
2. Menganalisis pola lakuan bahasa yang paling kerap dan paling kurang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama.
3. Membincangkan fungsi lakuan bahasa dalam ceramah agama.

## METODOLOGI KAJIAN

Kemajuan teknologi sedikit sebanyak membawa perubahan baharu dan salah satunya, teknologi mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi. Daripada komunikasi bersemuka, bentuk komunikasi berubah kepada komunikasi berperantaraan terutama dengan pembangunan teknologi media baharu (Siti Ezaleila Mustafa 2014). Kajian ini bersifat kualitatif deskriptif dan kuantitatif yang mengguna pakai kajian teks berdasarkan sumber *YouTube*.

Kajian teks merujuk kepada kajian yang dilakukan terhadap data yang telah didokumentasikan dan diambil sebagai data kajian. Data kajian diambil daripada ceramah agama yang disampaikan oleh Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood pada tahun 2016 dan 2017. Antara ceramah agama yang dijadikan data kajian ialah ceramah Ibu pada tahun 2016 berdurasi 43:50 dan ceramah yang kedua yang bertajuk Mahalkan Cintamu pada tahun 2017

berdurasi 49:49. Seterusnya ialah ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus. Tajuk ceramah yang disampaikan ialah ceramah Ciri Wanita Terbaik Di Dunia pada tahun 2016 berdurasi 39:23 dan ceramah yang bertajuk Tersesat Jalan pada tahun 2018 berdurasi 1:06:43.

### KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan Teori Lakuan Tutur Searle (1969). Idea asas Teori lakuan bahasa dibentuk oleh ahli falsafah Oxford pada akhir tahun 1930 dan dibentangkan dalam kuliah beliau di Oxford pada tahun 1952-1954, selepas itu disampaikan dalam siri kuliah Wiliam James yang dibentangkan di Harvard pada tahun 1955. Idea ini kemudiannya dibukukan dengan judul *How to Do Things with Words* (1962). Setelah kematian Austin pada tahun 1960, ideanya telah diperhalus, serta dikembangkan oleh pelajarnya di Oxford, iaitu ahli falsafah Amerika, John R. Searle.

Menurut Austin (1962: 5), bahasa bukan hanya digunakan untuk menerangkan tentang dunia tetapi ujaran juga boleh digunakan untuk melakukan sesuatu iaitu sebagai tindakan performatif. Austin (1962) juga menjelaskan setiap peristiwa pertuturan (atau lakuan tuturan) mempunyai sekurang-kurangnya tiga aspek iaitu: lakuan lokusi ialah penghasilan ekspresi linguistik yang bermakna, lakuan illokusi ialah lakuan yang dihajati untuk ditunjukkan oleh penutur ketika dia mengujarkan sesuatu ekspresi linguistik. Seterusnya, lakuan perlokusi merupakan kesan atau akibat kepada pendengar semasa pengujaran ekspresi linguistik itu. Ketiga-tiga lakuan ini berlaku serentak apabila menyatakan sesuatu. Pemikiran Austin tentang lakuan bahasa telah dikemas kini oleh pelajarnya John R. Searle (1969). Berikut merupakan klasifikasi Searle bagi lakuan bahasa:

#### LAKUAN BAHASA ASERTIF

Lakuan bahasa asertif merupakan jenis perlakuan bahasa yang mengikat penutur kepada kebenaran proposisi yang diungkapkan dan lakuan ini membawa nilai benar terhadap ungkapan tersebut. Lakuan ini juga mengungkapkan kepercayaan penutur dan mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran ujaran yang dilafazkan. Sebagai contoh ujaran *Hari ini hari Selasa*. Ujaran sedemikian menghendaki penutur mengatakan yang benar dan tidak mengujarkan sesuatu yang palsu atau

berbohong. Antara fungsi asertif antaranya ialah menyatakan, mendapatkan maklumat, menafikan, menyarankan, melaporkan dan mengandaikan.

#### LAKUAN BAHASA DIREKTIF

Direktif ialah tutur bahasa yang menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu. Sebagai contoh ujaran seperti *Keluar dari bilik* ini dan *Jangan bising* adalah ujaran yang memerlukan pendengar melakukan sesuatu iaitu meminta pendengar keluar dari bilik dan meminta seseorang untuk tidak membuat bising. Justeru, kuasa ujaran direktif menghasilkan kesan tertentu yang dapat dilihat melalui tindakan dan respons yang ditunjukkan oleh pendengar. Kesan tersebut mungkin berbentuk satu paksaan dan tegahan yang mesti dipatuhi oleh pendengar atau sebagai pengajaran sahaja oleh pendengar.

#### LAKUAN BAHASA EKSPRESIF

Ekspresif merupakan perlakuan tutur bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau mood penutur seperti bahagia, duka dan suka/tidak suka (Searle 1969). Dengan kata lain, ujaran yang mengandungi fungsi ini menunjukkan dan mendedahkan perasaan dan sikap penutur terhadap pendengar. Kes paradigmatic termasuklah memohon maaf, menyalahkan orang lain, mengucapkan tahniah, memuji dan mengucapkan terima kasih.

#### LAKUAN BAHASA KOMISIF

Komisif merupakan jenis perlakuan tutur bahasa yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Perlakuan ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu. Lakuan ini menyebabkan penutur melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan. Kes paradigmatic termasuklah penawaran, ikrar, janji, penolakan dan ugutan.

#### LAKUAN BAHASA DEKLARATIF

Lakuan bahasa deklaratif atau penyata merupakan lakuan bahasa yang memberikan perubahan segera dalam sesuatu keadaan semasa. Oleh sebab lakuan bahasa ini bergantung pada institusi ekstralinguistik bagi kejayaan pelaksanaannya, ia juga boleh dinamakan performatif yang diinstitusikan. Dalam melaksanakan perlakuan tuturan jenis ini, penutur membawa perubahan kepada dunia. Kes paradigmatic termasuklah pengisytiharan perang,

menyingkirkan, memecat daripada pekerjaan dan menamakan calon.

### ANALISIS DATA

Kajian ini memberi fokus kepada aspek lakukan bahasa yang digunakan ketika menyampaikan ceramah agama oleh Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood dan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Azhar Idrus. Bagi menarik perhatian pendengar dan mungkin gaya yang tersendiri, kedua-dua penceramah ini menyampaikan ceramah dengan gaya yang berbagai-bagai. Ada ceramah disampaikan dalam bentuk jenaka, rujukan, berkias dan juga secara nyanyian. Cara penyampaian sangat penting kerana hal ini boleh menimbulkan mood yang berbeza kepada pendengar. Cara penyampaian yang menarik akan memberi kesan yang mendalam dan menyentuh perasaan pendengar. Misalnya, komunikasi yang dilakukan dengan cara lemah lembut mampu membuka ruang seseorang untuk memahami semula kepercayaan dan memberi makna mendalam, ucapan tersebut mampu menyentuh perasaan orang lain (Azarudin Awang, Azman Che Mat & Wahairi Mahmud 2018).

#### CERAMAH AGAMA DALAM BENTUK JENAKA

Ceramah dalam bentuk jenaka ialah ceramah yang mengandungi unsur-unsur humor atau unsur lucu. Ceramah jenaka ini biasanya mempunyai maksud hiburan, petunjuk, sindiran dan lain-lain. Bentuk jenaka sebegini juga membawa kesan yang menggembirakan hati pendengar apabila mendengar ceramah agama. Unsur-unsur lucu ini adalah sangat penting untuk menghidupkan ceramah agama.

Dok puas hati bubuh pulak tu magic atas ni. Dok puas hati tambah pula dengan cryon pulak atas mulut ini. Adjust dengan tisu pulak. Hahaha. Minit 05:33 – 05:47

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2017)

#### CERAMAH AGAMA DALAM BENTUK RUJUKAN

Ceramah dalam bentuk rujukan merupakan salah satu cara penceramah merujuk al-Quran, hadis sahih serta sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW semasa menyampaikan ceramah. Bentuk rujukan ini sememangnya digunakan dalam setiap ceramah agama.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda. Semua bayi lahir bersih. Fitrahnya suci. Tidak condong kepada Yahudi,

Nasara, Majusi. Tak ada. Islam betul-betul. Kedua-dua ibu bapa membiarkan anak tanpa tarbiah Islamiah hingga anak dia besar terikut cara Yahudi. Cara Nasara dan cara Majusi. Minit 17:23 – 17:54

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

#### CERAMAH AGAMA DALAM BENTUK BERKIAS

Ceramah dalam bentuk berkias merupakan satu bentuk cara penyampaian penceramah tidak bercakap secara langsung tentang sesuatu hal atau seseorang yang dirujuk. Penggunaan bahasa tak terus dalam komunikasi berlaku kerana orang Melayu ingin mengelak daripada berlakunya konflik yang boleh menjatuhkan maruah, menghilangkan kepercayaan, merosakkan nilai, mewujudkan sentimen dan menggugat institusi kemasyarakatan (Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria 2017). Dalam konteks kajian ini, penceramah mengiaskan perkara yang ingin disampaikan dengan menjadikan benda, objek dan lain-lain yang boleh dijadikan kiasan.

Haa Tuhan buat molek dah kalau jenis orang perempuan ini. Lamborgini Avantado. Haa beli sebutir berapa harga? Dua juta ringgit. Doh mahal mana. Tapi bila bawa balik Lamborgini complete set dia panggil. Itulah tubuh seorang wanita. Daripada depan sampai belakang semua lawa belaka. Semua seksi belaka. Minit 03:25 – 03:50

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2017)

#### CERAMAH AGAMA DALAM BENTUK NYANYIAN

Nyanyian merupakan cara penceramah mendendangkan lagu kepada pendengar dalam ceramah agama. Lagu yang disampaikan berkisar tentang tema yang disampaikan dalam ceramah agama.

Kita juga mendengar bait-bait yang berbunyi, Oh Ibu kau disirami bayu pagi. Minit 03:58 – 04:04

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2016)

Kepelbagaian gaya ceramah, cara penyampaian, gaya suara dan elemen emosi yang ditunjukkan oleh kedua-dua penceramah dalam menyampaikan maklumat menjadi daya tarikan yang akan menarik minat pendengar atau penonton untuk terus mendengar tanpa jemu dan hal ini membantu ke arah memastikan mesej yang ingin disampaikan sampai kepada pendengar atau penonton.

JENIS-JENIS LAKUAN TUTUR DALAM CERAMAH AGAMA

Dalam proses pentarbiahan yakni pendidikan pengucapan penutur sangat penting bagi memastikan wujudnya kefahaman. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian kandungan pengajaran, bahasa memainkan peranan yang sangat penting (Zanariah *et al.* 2017). Hal ini selari dengan kenyataan Munif (2015) bahawa dalam proses penyampaian maklumat, bahasa merupakan aspek utama yang menjadi perantaraan antara manusia. Perkara yang sama turut berlaku dalam penyampaian ceramah agama. Lakuan bahasa

akan mendasari setiap yang diucapkan oleh penutur berkait rapat dengan sesuatu yang ingin disampaikan dan wahana yang digunakan ialah bahasa. Hal ini diperakui oleh Blakemore (1992: 92) yang menyatakan bahawa pengklasifikasian lakuan bahasa memainkan peranan penting dalam perlakuan komunikasi dan berdasarkan teori lakuan bahasa ini, komunikasi bukan sahaja bererti perlakuan bagi mendapatkan maksud pengucap, tetapi juga perlakuan bagi mendapatkan maksud atau niat pengucap tersebut terlaksana dan dapat dikenal pasti. Jadual 1 menunjukkan pola kekerapan lakuan bahasa dalam ceramah agama.

JADUAL 1. Pola kekerapan lakuan bahasa dalam ceramah agama

Jenis Lakuan Bahasa	Peratus Kekerapan
Asertif	69.68%
Direktif	23.87%
Ekspresif	5.59%
Komisif	0.86%

Berdasarkan taksonomi Searle (1969), lakuan bahasa boleh dikelaskan kepada lima jenis iaitu asertif, direktif, komisif, ekspresif dan deklaratif. Setiap lakuan bahasa yang diujarkan dapat dibezakan dengan kelas-kelas tersebut. Berdasarkan analisis, peratusan lakuan bahasa yang paling banyak digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif. Lakuan bahasa asertif menunjukkan kekerapan sebanyak 69.68%. Lakuan bahasa kedua kerap digunakan dalam ceramah agama ialah lakuan bahasa direktif sebanyak 23.87 %, diikuti oleh

lakuan bahasa ekspresif sebanyak 5.59% dan lakuan bahasa komisif sebanyak 0.86%.

Berdasarkan analisis, terdapat lakuan bahasa gabungan yang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama. Lakuan tutur gabungan bermaksud dalam sesuatu status yang dihantar mempunyai beberapa kategori lakuan tutur (Maslida Yusof & Karim Harun 2015). Berikut merupakan jadual yang menunjukkan pola kekerapan lakuan bahasa gabungan dalam ceramah agama.

JADUAL 2. Pola kekerapan lakuan bahasa gabungan dalam ceramah agama

Jenis Lakuan Bahasa Gabungan	Peratus Kekerapan
Asertif + Direktif	79.76%
Direktif + Asertif	8.33%
Ekspresif + Asertif	4.76%
Asertif + Ekspresif	3.57%
Ekspresif + Komisif	1.19%

Analisis menunjukkan bahawa peratusan lakuan bahasa gabungan yang paling banyak digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif + direktif iaitu sebanyak 79.76 %. Lakuan bahasa gabungan kedua kerap digunakan dalam ceramah agama ialah lakuan bahasa gabungan direktif +

asertif sebanyak 8.33%, diikuti oleh lakuan bahasa gabungan ekspresif + direktif sebanyak 4.76%, lakuan bahasa gabungan asertif + ekspresif sebanyak 3.57% dan Lakuan bahasa gabungan ekspresif + komisif sebanyak 1.19%.

## LAKUAN BAHASA ASERTIF

Lakuan asertif juga disebut sebagai representatif. Lakuan asertif adalah menyatakan sesuatu maklumat kepada pendengar. Kajian menunjukkan ada beberapa jenis lakuan asertif yang ditunjukkan oleh penceramah iaitu asertif pernyataan, nasihat, menunjukkan sesuatu dan menyebut sesuatu. Berikut ialah contoh-contoh ungkapan lakuan bahasa asertif yang ditemui dalam kajian ini seperti berikut:

## (a) Asertif Menyatakan

1. *Ada pakai tudung, mulut macam puaka untuk lelaki. Tu tak boleh kira jenis manusia ini. Dia banyak.* Minit 16:23 – 16:34

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2017)

## (b) Asertif Menyarankan

2. *Jadi saranan daripada hati ustazah, bermohonlah kepada Allah SWT agar diberikan jodoh yang lebih baik apabila lelaki ini dah tidak serius. Dah mula berfikir untuk menjarakkan hubungan tadi. Serah kepada Allah.* Minit 26:15 – 26:31

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

## (c) Asertif Menyampaikan Maklumat

3. *Bukan sekadar set baharu tetapi waktu baharu. Hari tetap hari Jumaat secara langsung daripada studio 3 Glenmarie Shah Alam dengan tajuk yang sangat menarik.* Minit 01:25 – 01:38

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

## (d) Asertif Menunjukkan

4. *Ada dua orang nak ke kita. Seorang pakai tudung labuh, pakai jubah, molek dah. Pakai stoking sokmo. Pengajian pun pengajian Islam. Degree Syariah. Tapi gemok sikit. Muka bukan kata hodoh, nah muka biasa. Maknanya kalau nak masuk ratu cantik susah sikit muka gitu. Lepas tu ada lagi seorang perempuan dok pakai tudung. Muka macam penyanyi pelakon filem hindustan. Haa hok mana yang kita nak? Haa hok mana? Hok comel lah.* Minit 09:00 – 09:42

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

## (e) Asertif Menyebutkan

5. *Nabi s.a.w. telah bersabda. Keredaan Allah terletak di dalam keredaan ayah dan ibu. Kemurkaan Allah juga terletak di dalam kemurkaan ayah dan ibu.* Minit 46:26 – 46:38

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2016)

Dalam data (1), menunjukkan lakuan bahasa asertif yang berfungsi untuk menyatakan sesuatu (maklumat). Dalam ujaran ini, penceramah menyatakan sesuatu tentang realiti sikap wanita. Kaum wanita pada masa ini walaupun bertudung masih ada yang tidak menjaga kata dan mengujarkan perkataan yang menyakitkan hati.

Dalam data (4) penceramah memberi saranan kepada individu yang bertanya soalan. Kata kunci lakuan bahasa ini juga dapat dilihat dengan penggunaan kata 'saranan'. Saranan daripada penceramah supaya individu yang bertanya soalan memohon kepada Allah SWT. Fungsi pengucapan iaitu niat penceramah ialah perbincangan sangat penting dalam perkahwinan. Pergaduhan akan yang tidak diingini akan berlaku sekiranya dalam kes ini, suami tidak berbincang dan bersifat terus terang kepada isteri dan bagi mengelakkan pergaduhan.

Manakala fungsi asertif bagi data (3) adalah untuk menyampaikan maklumat. Penceramah memaklumkan kepada penonton bahawa rancangan *Tanyalah Ustazah* akan disiarkan pada hari Jumaat tetapi mempunyai perubahan waktu iaitu waktu baharu dan makluman bahawa set di studio juga telah ditukarkan kepada yang baharu. Penceramah ingin penonton mengetahui waktu baharu selain berkongsi maklumat tentang set baharu.

Selain itu, lakuan bahasa asertif juga berfungsi untuk menunjukkan. Dalam data (4), ujaran ini menceritakan sifat sebenar kaum lelaki dalam membuat pilihan sama ada memilih wanita yang cantik dan wanita yang kurang cantik tetapi beragama. Penceramah menyatakan pendapatnya bahawa kaum lelaki cenderung memilih wanita yang cantik berbanding wanita biasa. Penceramah menunjukkan contoh yang berkait berdasarkan pilihan lelaki pada masa ini apabila memilih calon isteri. Asertif juga berfungsi menyebutkan. Hal ini demikian apabila penceramah memetik ayat-ayat al-Quran dan menggunakan sabda Nabi Muhammad S.a.w yang mana menjelaskan bahawa Allah S.w.t akan reda kepada anak sekiranya ibu bapa reda dan sebaliknya mendapat kemurkaan Allah apabila ibu bapa tidak reda sebagaimana ditunjukkan dalam data (5) di atas.

## LAKUAN BAHASA DIREKTIF

Direktif merupakan jenis perlakuan tuturan bahasa yang menggambarkan usaha oleh penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu. Perlakuan tuturan bahasa ini melahirkan keinginan penutur supaya pendengar melakukan sesuatu.

Justeru, kuasa ujaran direktif menghasilkan kesan tertentu yang dapat dilihat melalui tindakan dan respons yang ditunjukkan oleh pendengar. Kesan tersebut mungkin berbentuk satu paksaan dan tegahan yang mesti dipatuhi atau sebagai pengajaran sahaja kepada pendengar. Fungsi direktif jika diujarkan oleh penutur yang berautoriti menyebabkan pendengar tidak mempunyai pilihan untuk menghindarinya.

(a) Direktif Nasihat

Direktif nasihat ialah ujaran direktif yang memberi petunjuk yang baik dan peringatan kepada pendengar.

6. *Justeru nasihat daripada ustazah. Nombor satu, maruah diri amat berharga. Jaga elok-elok wahai wanita solehah. Yang kedua jangan menangis kerana putus cinta tetapi menangislah penuh keinsafan kepada Allah SWT di atas segala dosa yang kita lakukan kepada Allah dan yang terakhir sekali bercinta dapatkan reda dan restu daripada ibu bapa.* Minit 46:00 – 46:25

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

(b) Direktif Pengajuan Soalan

Direktif pengajuan soalan merupakan cara penceramah bertanya soalan dan soalan yang diajukan tidak memerlukan jawapan daripada pendengar. Pengajuan soalan ini dilakukan penceramah dan penceramah akan menjelaskan berserta jawapan.

7. *Hidayah benda erti dia? Hidayah ini maknanya tolong tunjuk jalan.* Minit 04:44 – 04:48

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

(c) Direktif Perintah

Direktif perintah merupakan ujaran yang disampaikan penceramah untuk memerintah dengan tujuan suruhan atau larangan agar pendengar melakukan sesuatu dan meninggalkan perkara yang dilarang dalam Islam.

8. *Wahai para Muslimah yang ustazah kasihi, jangan mudah jatuh cinta, jangan mudah terpedaya, jangan mudah terpesona pada bisikan cinta yang menggoda.* Minit 03:06 – 03:18

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

9. *Yang pertama. Hendaklah engkau pilih akan perempuan yang beragama, yang soleh yang takut akan Allah Taala.* Minit 0:00 – 0:13

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2017)

Lakuan bahasa direktif mempunyai fungsi memberikan nasihat. Data (6) berfungsi sebagai untuk menyatakan nasihat. Ujaran ini menasihati pendengar supaya melakukan nasihat yang diberikan. Seterusnya lakuan bahasa direktif berfungsi sebagai pengajuan soalan sebagaimana dalam data (7). Penceramah mengajukan soalan kepada pendengar dan penceramah menjawab soalan tersebut. Soalan yang ditanya tidak menuntut sebarang jawapan daripada pendengar. Penceramah menjelaskan sesuatu dengan bertanya soalan dan menjawabnya tentang hidayah yang merupakan cahaya petunjuk daripada Allah. Penceramah juga mengujarkan bahawa semasa seseorang bercinta, akan wujudnya ego dalam diri dan penceramah berharap agar ego ini dikurangkan dan sewajarnya orang yang dilamun cinta mendengar nasihat daripada orang lain juga.

Lakuan bahasa direktif juga berfungsi sebagai memberi perintah. Data (8) pula merupakan ujaran perintah larangan dengan ditandai kata 'jangan'. Perkataan ini diulang sebanyak tiga kali. Penceramah menyatakan larangan kepada para Muslimah supaya tidak terpedaya dengan cinta yang salah. Penceramah mengulangi perkataan 'jangan' sebanyak tiga kali kerana ingin memberikan penegasan kepada seorang wanita supaya jangan mudah terpedaya dengan cinta.

Data (9) juga memperlihatkan ujaran perintah. Ujaran ini berbentuk ayat perintah suruhan. Penceramah menyatakan ujaran menerusi hadis dan dalam inti pati ayat tersebut menghendaki kaum lelaki memilih wanita yang mempunyai agama untuk dijadikan isteri. Penanda bagi ayat perintah suruhan ini leksikal 'hendak' berserta kata partikel 'lah'. Hal ini demikian wanita yang soleh dan mempunyai agama pasti akan menjauhkan diri dengan kemungkaran. Dalam perkahwinan, antara ciri-ciri wanita yang harus dijadikan isteri ialah seorang yang mempunyai agama dan agama merupakan aspek yang paling penting mendahului yang lain. Penceramah ingin menjelaskan bahawa dengan berkahwin dengan wanita yang mempunyai agama, rumah tangga akan menjadi bahagia. Selain itu, penceramah memerintahkan agar pendengar mengikut perintah yang dianjurkan oleh Nabi. Ayat perintah ini ditandai oleh kata 'ikutlah' dengan partikel 'lah'. Penceramah memerintahkan agar kita mengamalkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w dalam kehidupan kita.

## LAKUAN BAHASA EKSPRESIF

Ekspresif merupakan perlakuan tutur bahasa yang menunjukkan sikap psikologi atau mood penutur seperti bahagia, duka dan suka/tidak suka Searle (1969). Dengan kata lain, ujaran yang mengandung fungsi ini menunjukkan dan mendedahkan perasaan dan sikap penutur terhadap pendengar.

## (a) Ekspresif Penghargaan

Ekspresif penghargaan merupakan ujaran yang dinyatakan oleh penceramah untuk menghargai, memuji dan menyanjung pendengar. Ujaran ini menunjukkan penghargaan penceramah kepada pendengar.

10. *Jutaan terima kasih kepada caller-caller, pemanggil-pemanggil yang pagi pagi lagi dah sanggup dail kita dekat Tanyalah Ustazah.* Minit 24:20 – 24:24

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

11. *Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT Dengan izin Allah SWT, dengan rahmat dengan kasih sayang daripada Allah SWT, Allah pilih kita untuk berada dalam taman-taman syurga bersama dengan saya Datuk Siti Nor Bahyah Mahmood.* Minit 00:30 – 00:47

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

## (b) Ekspresif Memohon Maaf

Ekspresif memohon maaf ialah ujaran yang memohon agar diberikan kemaafan, diampunkan kesalahan yang telah dilakukan.

12. *Dia main bulan. Nampak? Guana pula syurga main bulan. Bintang kelas dah, bulan kelas tinggi. Ini bukan politik, minta maaf haa. Kita mari cerita hadis nabi.* Minit 10:56 – 11:07

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

## (c) Ekspresif Gembira

Ekspresif gembira ialah ujaran yang menunjukkan perasaan suka terhadap sesuatu.

13. *Ustazah gembira kerana para penonton tidak berganjak ke mana-mana dan banyak panggilan telefon yang kita terima tetapi minta maaf banyak-banyak kerana kita dapat jawab sebahagian daripadanya.* Minit 39:02 – 39:12

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

## (d) Ekspresif sedih

Ekspresif sedih ialah ujaran yang mengungkapkan perasaan yang sedih terhadap sesuatu musibah yang berlaku.

14. *Kita juga terasa hiba sedih sayu kerana kita telah kehilangan permata ummah yang sangat bernilai iaitu Allahyarham Tuan Guru Datuk Doktor Harun Din.* Minit 01:56 – 02:08

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

Antara fungsi lakuan bahasa ekspresif adalah untuk menyatakan penghargaan, memohon maaf, mengekspresikan gembira dan sedih. Contohnya dapat dilihat dalam data (10). Penceramah mengucapkan terima kasih kepada pendengar yang menelefon rancangan Tanyalah Ustazah. Seterusnya ialah data (11) yang menunjukkan lakuan bahasa ekspresif memuji. Penceramah memuji kebesaran Allah dengan menyebut kalimah puji-pujian kerana diberikan keizinan daripada-Nya untuk bersama-sama dalam majlis ilmu. Kata yang digunakan ialah 'alhamdulillah' dan 'syukur'. Data (12) juga menunjukkan terdapat ujaran maaf daripada penceramah. Ujaran ini dinyatakan berikutan penceramah tidak dapat menerima kesemua panggilan daripada pemanggil. Hal ini demikian terdapat banyak panggilan diterima tetapi hanya sebilangan sahaja yang dapat tembus talian untuk bertanyakan soalan.

Fungsi lakuan bahasa ekspresif seperti dalam data (13) pula memperlihatkan ujaran penceramah yang mengekspresikan perasaan gembira kepada penonton kerana penonton tidak ke mana-mana dan masih menonton rancangan Tanyalah Ustazah. Seterusnya data (14) menunjukkan ujaran yang mengekspresikan perasaan sedih. Penceramah menyatakan perasaan sedih hiba dan sayu kerana kematian insan yang sangat disanjung. Ungkapan ini menunjukkan emosi penceramah yang terasa kehilangan permata yang berharga, emosi ini ditandai dengan perkataan 'hiba', 'sedih' dan 'sayu'. Perkataan ini membawa tafsiran bahawa perasaan yang sangat sedih.

## LAKUAN BAHASA KOMISIF

Komisif merupakan jenis perlakuan tuturan yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Perlakuan ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu. Lakuan ini menyebabkan penutur melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan. Kes paradigmatic termasuklah penawaran, ikrar, janji, penolakan dan ugutan.

## (a) Komisif Berjanji

Komisif janji merupakan ujaran yang menyatakan persediaan penceramah untuk melakukan sesuatu dan mengotakan kata yang telah dijanjikan.



15. *Alhamdulillah dan yang seterusnya ustazah janji tadi kan nak bagi doa. Yang ke-7 ialah permohonan kepada Allah SWT Allah adalah sumber kasih sayang kepada manusia. Angkat tangan doa dekat Allah supaya dalam hati suami dan isteri ini, Ya Allah saling mencintai antara satu sama lain. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, Engkau yang maha pengasih lagi maha penyayang, alirkanlah kasih sayang-Mu untuk kami sekeluarga supaya dengan kasih sayang-Mu Ya Allah kami mampu hormat-menghormati, nasihat-menasihati, bantu-membantu, sentiasa menghargai, bertolak ansur dan tolong menolong sesama kami.* Minit 22:23 – 23:10

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

Lakuan bahasa komisif dalam kajian ini berfungsi sebagai pemberian janji oleh penceramah kepada pendengar. Data (15) merupakan lakuan bahasa komisif yang memperlihatkan penceramah menyatakan sesuatu iaitu ‘janji’ kepada pendengar dan ujaran ini memerlukan penceramah untuk memenuhi janji.

#### LAKUAN BAHASA GABUNGAN

Lakuan bahasa gabungan bermaksud dalam ceramah agama terdapat beberapa kategori lakuan bahasa yang digunakan oleh penceramah. Antara bentuk gabungan lakuan bahasa yang kerap ditemui ialah lakuan bahasa asertif + direktif. Data di bawah menunjukkan kategori-kategori lakuan bahasa yang digunakan dalam ceramah agama.

#### ASERTIF + DIREKTIF

Lakuan bahasa gabungan asertif + direktif ialah ujaran yang bermula dengan ayat pernyataan dan disusuli oleh ayat arahan.

- (a) *Ustazah bukakan kepada para Muslimah yang hebat insya-Allah penghuni syurga. Katalah Amin.* Minit 06:24 – 06:30

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

- i) *Ustazah bukakan kepada para Muslimah yang hebat insya-Allah penghuni syurga –* Lakuan bahasa asertif
- ii) *Katalah Amin –* Lakuan bahasa direktif

Ujaran ceramah agama di atas mengandungi dua jenis lakuan bahasa iaitu lakuan bahasa asertif dan lakuan bahasa direktif. Penceramah menyatakan bahawa soalan dibuka kepada penonton dan lakuan

bahasa direktif dapat dilihat apabila penceramah meminta penonton mengucapkan amin apabila penceramah mendoakan agar semuanya menjadi penghuni syurga.

#### DIREKTIF + ASERTIF

Lakuan bahasa gabungan direktif + asertif ialah ujaran yang bermula dengan perintah larangan dan disusuli oleh pernyataan.

- (b) *Jangan melihat cinta kita ini daripada kaca mata kita sahaja sebab orang yang bercinta ini mereka berada dalam dunia mereka sahaja. Pandangan ibu bapa mereka sisihkan pandangan keluarga mereka tak nak pakai rakan baik sahabat handai mereka tolak ke tepi.* Minit 36:06 – 36:20

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

- i) *Jangan melihat cinta kita ini daripada kaca mata kita sahaja sebab orang yang bercinta ini mereka berada dalam dunia mereka sahaja.* – Lakuan bahasa direktif
- ii) *Pandangan ibu bapa mereka sisihkan pandangan keluarga mereka tak nak pakai rakan baik sahabat handai mereka tolak ke tepi.* – Lakuan bahasa asertif

Ujaran ceramah agama di atas mengandungi dua jenis lakuan bahasa iaitu lakuan bahasa direktif dan lakuan bahasa asertif. Penceramah melarang individu yang melihat cinta dengan kaca mata dan kata yang menandai perintah larangan ialah ‘jangan’ dan penceramah menyatakan bahawa pandangan ibu bapa tidak dihiraukan sama sekali apabila seseorang asyik dilamun cinta.

#### EKSPRESIF + ASERTIF

Lakuan bahasa gabungan ekspresif + asertif ialah ujaran yang mengekspresikan perasaan dan disusuli ujaran menyatakan.

- (c) *Aduh. Dok sedar anak pakai seluar ketat punggung putih baju nampak ketiak bini pun tak pakai tudung mu pergi bersumpah buat apa.* Minit 26:32 – 26:41

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

- i) *Aduh.* – lakuan bahasa ekspresif
- ii) *Dok sedar anak pakai seluar ketat...* – Lakuan bahasa asertif

Ujaran ceramah agama di atas mengandungi dua jenis lakuan bahasa iaitu lakuan bahasa ekspresif dan lakuan bahasa asertif. Penceramah mengekspresikan perasaan dengan menyebut ‘aduh’

yang menggambarkan emosinya yang tidak dapat menerima tentang perihal yang dinyatakan. Kata 'aduh' menunjukkan penceramah mengeluh dengan segelintir masyarakat yang tidak dapat berfikir dengan baik dalam melaksanakan ibadah agama. Kemudiannya disusuli dengan asertif menyatakan bahawa individu yang mengerjakan haji tidak menyedari bahawa anak sendiri memakai pakaian yang mencolok mata.

#### ASERTIF + EKSPRESIF

Lakuan bahasa asertif + ekspresif merupakan lakuan bahasa ujaran yang menyatakan sesuatu perkara dan kemudiannya disusuli dengan ujaran yang mengandungi perasaan.

(d) *Ini bukan politik, minta maaf haa.* Minit 11:04 – 11:07

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

- i) *Ini bukan politik.* – Lakuan bahasa asertif
- ii) *minta maaf haa.* – Lakuan bahasa ekspresif

Ujaran ceramah agama di atas mengandungi dua jenis lakuan bahasa iaitu lakuan bahasa asertif dan lakuan bahasa ekspresif. Penceramah menyatakan bahawa ceramah ini bukan berunsur politik yakni asertif menyatakan dan penceramah membuat lakuan bahasa ekspresif apabila memohon maaf kepada pendengar. Dalam konteks ceramah yang sedang disampaikan, penceramah ingin mengelakkan salah faham dalam ceramahnya.

#### EKSPRESIF + KOMISIF

Lakuan bahasa ekspresif + komisif ialah lakuan bahasa yang mempunyai ujaran perasaan dan disusuli dengan ujaran janji.

(e) *Alhamdulillah dan yang seterusnya ustazah janji tadi kan nak bagi doa.* Minit 22:23 – 22:28

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

- i) *Alhamdulillah.* – Lakuan bahasa ekspresif
- ii) *dan yang seterusnya ustazah janji tadi kan nak bagi doa* – Lakuan bahasa komisif

Ujaran ceramah agama di atas mengandungi dua jenis lakuan bahasa iaitu lakuan bahasa ekspresif dan lakuan bahasa komisif. Penceramah mengucapkan ujaran syukur dalam bahasa Arab untuk meluahkan perasaannya dan menyatakan komisif iaitu janji. Penceramah berjanji untuk memberikan doa dan akhirnya mengotakannya.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan taksonomi Searle (1969), lakuan bahasa boleh dikelaskan kepada lima jenis iaitu asertif, direktif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Berdasarkan dapatan kajian ini, dalam ceramah agama terdapat lakuan bahasa asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Walau bagaimanapun, lakuan bahasa deklaratif tidak digunakan. Lakuan bahasa asertif merupakan lakuan bahasa yang paling banyak digunakan oleh penceramah. Lakuan bahasa direktif pula adalah kedua kerap digunakan oleh penceramah manakala lakuan bahasa ekspresif ketiga dan diikuti oleh lakuan bahasa komisif.

Lakuan bahasa asertif menunjukkan peratusan yang tertinggi kerana inti pati ceramah agama adalah bersifat penyataan. Dalam kajian ini pengkaji mendapati lakuan bahasa asertif berfungsi sebagai menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebutkan.

Kajian ini juga menyokong kajian Maslida & Karim Harun (2015) yang mendapati terdapat tiga kategori direktif yang tidak memerlukan tindakan daripada pendengar. Lakuan yang dimaksudkan ialah lakuan direktif kategori ucap selamat, nasihat dan lakuan direktif soalan. Berikut merupakan contoh seperti yang dinyatakan.

(a) *Semoga kita semua dan penonton Tanyalah Ustazah mendapat rahmat keberkatan daripada Allah SWT* Minit 01:09 – 01:16

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

Kata-kata yang mempunyai ucapan selamat ini juga berfungsi untuk mendoakan penutur yang berbicara dan juga pendengar. Dalam kajian ini juga fungsi lakuan bahasa direktif adalah bersifat mengarahkan dan penting dalam ceramah agama kerana peranan penceramah itu sendiri untuk memberikan nasihat kepada pendengar. Tujuannya supaya pendengar akan mengikut perkara yang disarankan dan meninggalkan perkara yang ditegah dalam agama.

Ekspresif ialah lakuan yang memperlihatkan luahan perasaan penceramah. Lakuan bahasa ekspresif penting dalam ceramah agama. Penceramah perlu menyampaikan ceramah agama dengan ekspresi emosi. Pendengar akan lebih merasai inti pati dan menghayati ceramah yang disampaikan. Lakuan bahasa ini juga menunjukkan perasaan penceramah menghayati ceramah yang disampaikan. Dalam masa yang sama, lakuan bahasa ekspresif penting dalam ceramah agama kerana setiap baris kata yang disampaikan haruslah disampaikan dengan sepenuh penghayatan. Dalam

kajian ini, emosi penghargaan, sedih, hiba, sayu, gembira dan maaf dapat dilihat dalam ujaran penceramah.

Komisif merupakan jenis perlakuan tuturan yang mengikat penutur kepada sesuatu tindakan pada masa akan datang. Perlakuan ini melahirkan niat penutur untuk melakukan sesuatu. Lakuan ini menyebabkan penutur melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan. Dalam kajian ini lakuan bahasa komisif kurang digunakan kerana kata janji kebiasaannya tidak selalu digunakan dalam ceramah agama jika dibandingkan dengan ceramah politik yang akan lebih banyak menggunakan lakuan bahasa komisif untuk menyatakan janji. Lakuan bahasa ini kebiasaannya digunakan dalam ceramah-ceramah yang berunsur politik.

Asmah Haji Omar (1987) menyatakan bahawa laras merupakan konsep yang merujuk kepada ragam sesuatu bahasa, iaitu dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Penggunaan kata dan struktur ayat yang khusus menjadi garis penentu kepada kewujudan laras dalam bahasa tersebut. Dalam ceramah agama, aspek lakuan bahasa juga boleh menjadi penanda kepada laras bahasa ceramah agama. Tiga lakuan bahasa yang utama muncul dalam laras bahasa ceramah agama iaitu menyatakan (asertif) dan disusuli dengan lakuan bahasa direktif yang memberikan panduan dan juga melibatkan lakuan bahasa ekspresif yang menzahirkan perasaan penceramah sama ada marah, sedih atau gembira dalam menyampaikan sesuatu mesej atau maklumat kepada khalayak. Dalam ceramah agama juga memperlihatkan penggunaan kata atau istilah khusus oleh penceramah. Penceramah banyak menggunakan struktur ayat dalam bahasa Arab. Berikut merupakan contoh-contoh istilah khusus dalam ceramah agama.

- (b) Allah ada sebut di dalam Ar-Rum dalam ayat 21 bila kita berkahwin kita nak Sakinah, Mawaddah, Rahmah. Minit 16:48 – 16:56

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

Ceramah agama ini juga menampilkan ciri wacana agama kerana penceramah menggunakan potongan ayat al-Quran, sabda daripada Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan turut menyebutkan firman Allah SWT Dalil dan bukti yang digunakan ini menjadi penanda kepada laras agama. Lakuan bahasa yang berfungsi menyebutkan seperti penyebutan sabda Nabi Muhammad SAW, firman Allah SWT menunjukkan laras agama juga mempunyai perkaitan dengan lakuan bahasa dalam ceramah agama.

Dalam ceramah agama, kebanyakan sabda dan firman yang dinyatakan oleh penceramah sebagai sandaran bukti. Penceramah akan menyampaikan sesuatu kenyataan dan pendengar akan lebih yakin dan mempercayai kata-kata penceramah. Jelas di sini, lakuan bahasa seolah-olah mempunyai kaitan dan merupakan ciri wacana agama. Antara ciri wacana agama, menggariskan bahawa dalam wacana agama terdapat hadis atau firman dan perkara ini dijumpai dalam kajian ceramah agama ini. Tidak cukup dengan itu, ciri wacana agama juga merangkumkan kisah-kisah pada zaman Nabi Muhammad SAW dan sejarah lampau yang berkaitan dengan Islam untuk dijadikan teladan. Dalam kajian ini juga, penceramah banyak menceritakan kisah terdahulu untuk dijadikan teladan.

- (c) Raja yang paling hebat sekali raja Firaun. Sekarang papa kedana di alam barzakh. Korporat yang paling kaya di muka bumi, tak ada orang lawan. Bill Gates ke Bill pagar ke kalah belaka. Siapa dia? Tan Sri Qarun. Betul tak? Qarun paling kaya. Minit 38:11 – 38:31

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

Bahasa kiasan didefinisikan oleh Za'ba dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (1965: 190) sebagai bahasa yang mencakupkan sesuatu perkara dengan mengiaskan dengan lain perkara sama ada dengan menyebutkan bandingan lain. Bahasa kiasan bertujuan untuk memudahkan khalayak yang mendengar faham akan sesuatu yang diperkatakan oleh penceramah. Laras agama juga memperlihatkan cirinya iaitu penggunaan bahasa kiasan dan penekanan pengajaran seperti pemberian nasihat agar pendengar melakukan amal kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Berikut merupakan ayat berupa kiasan dalam kajian ceramah agama yang ditemukan pengkaji.

- (d) Haa Tuhan buat molek dah kalau jenis orang perempuan ini. Lamborgini Avantado. Haa beli sebutir berapa harga? Dua juta ringgit. Doh mahal mana. Tapi bila bawa balik Lamborgini complete set dia panggil. Itulah tubuh seorang wanita. Daripada depan sampai belakang semua lawa belaka. Semua seksi belaka. Minit 01:54 – 02:20

Sumber: Ustaz Azhar Idrus (2018)

Penjelasan yang seterusnya adalah dalam kajian ini penceramah membuat kesimpulan tentang sesuatu yang diperkatakannya. Perkaitan antara lakuan bahasa ini dengan ciri wacana bahasa adalah sama. Dalam wacana agama, laras bahasa agama memperjelas penutur akan membuat tamsilan, kiasan atau pengajaran pada bahagian

akhir ceramah. Dalam kajian ini pada bahagian pengakhiran, penceramah turut memberikan nasihat sebagai penutup ceramah yang disampaikan. Penceramah akan membuat kesimpulan tentang ceramah yang disampaikan. Berikut merupakan inti pati ceramah agama yang disampaikan pada bahagian pengakhiran.

- (e) Justeru nasihat daripada ustazah. Nombor satu, maruah diri amat berharga. Jaga elok-elok wahai wanita solehah. Yang kedua jangan menangis kerana putus cinta tetapi menangislah penuh keinsafan kepada Allah SWT di atas segala dosa yang kita lakukan kepada Allah dan yang terakhir sekali bercinta dapatkan reda dan restu daripada ibu bapa. Keredaan Allah terletak di dalam keredaan dan ayah dan ibu kemurkaan Allah juga terletak di dalam kemurkaan ayah dan ibu. Itulah dia mahalkan cintamu. Minit 46:00 – 46:40

Sumber: Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood (2017)

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil analisis yang diperoleh, didapati bentuk ceramah yang digunakan dalam ceramah agama ini seperti jenaka, rujukan, kiasan dan nyanyian. Kajian juga mendapati lakuan bahasa yang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama ialah lakuan bahasa asertif, lakuan bahasa direktif, lakuan bahasa ekspresif dan lakuan bahasa komisif. Pengkaji tidak menemukan lakuan bahasa deklaratif dalam ceramah agama ini. Lakuan bahasa dalam ceramah agama memainkan beberapa fungsi. Lakuan bahasa asertif berfungsi untuk menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebutkan. Manakala fungsi lakuan bahasa direktif pula berfungsi sebagai nasihat dan ucap selamat, pengajuan soalan dan direktif perintah. Lakuan bahasa ekspresif berfungsi untuk mengekspresikan perasaan penghargaan, maaf, gembira dan sedih dan lakuan bahasa komisif berfungsi untuk menyatakan janji. Pengkaji juga mendapati terdapat lakuan bahasa gabungan yang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama. Analisis menunjukkan bahawa peratusan lakuan bahasa gabungan yang paling banyak digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif + direktif. Lakuan bahasa gabungan kedua kerap digunakan dalam ceramah agama ialah lakuan bahasa gabungan direktif + asertif diikuti oleh lakuan bahasa gabungan ekspresif + direktif, lakuan bahasa gabungan asertif + ekspresif dan lakuan bahasa gabungan ekspresif + komisif. Dapatan ini

membuktikan bahawa dalam laras ceramah agama, lakuan bahasa asertif adalah yang paling banyak digunakan kerana maklumat yang disampaikan adalah dalam bentuk pemberitahuan dan penerangan kepada pendengar.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1987. *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J. 1962. *How to Do Things with Words*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Wahairi Mahmud. 2018. Medium komunikasi intrapersonal dalam dialog antara agama komuniti saudara baru. *Akademika* 88(3):43-54.
- Blakemore, D. 1992. *Understanding Utterances: An Introduction to Pragmatics*. Oxford (London): Blackwell Publisher.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, NurZakira Afnee Zakaria & Nuraina Nabila Dundai Abdullah, 2014. Penerimaan media sosial sebagai medium dakwah dalam kalangan mahasiswa KUIS. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015*. hlm. 181-191.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof & Karim Harun. 2015. Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(2): 151-168.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015. *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama'yah Zakaria. 2017. Gaya pengurusan konflik dan kesannya terhadap institusi kekeluargaan dalam novel *Saga*. *Akademika* 87(2):77-87.
- Searle, J. R. 1969. *Speech Acts an Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Siti Aisyah Yap, 2015. Dakwah melalui filem animasi: kajian terhadap isi kandungan al-Fatihah dalam siri *Ummi, Ceritalah Pada Kami*. *Media Penyiaran dan Dakwah*. hlm. 107-255
- Siti Ezaleila Mustafa. 2014. Penghijrahan dari dunia realiti ke dunia maya: tinjauan umum terhadap dunia maya sosial terpilih. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 30(Special Issue): 243-258.
- Sugono, Dendy et al. 2008. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa

- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad 'Uthman El-Muhammady di Malaysia (1943-2013). *Akademika* 88(1):107-119.
- Utusan Online*. 2019. (<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/ciri-ciri-pendakwah-masa-kini-1.72564>). Tarikh akses: 7 Februari.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zainal Abidin. 1965. *Ilmu Pengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. 2017. Analisis lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah. *Jurnal Melayu* 16(2): 163-178.

Nurul Syuhada Shuib  
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
E-mail: syuhadashuib@gmail.com

Maslida Yusof (corresponding author)  
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
E-mail: maslida@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Febuari 2019

